

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 114

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** berapakah jumlah kes tipu atas talian menerusi panggilan telefon yang dilaporkan dari Januari hingga Jun 2019 dan apakah tindakan Kementerian dalam menangani isu jenayah siber.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kegiatan penipuan ataupun 'scam' (dengan izin) sama ada secara dalam talian (*online*) ataupun luar talian (*offline*) adalah tertakluk di bawah bidang kuasa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Bank Negara Malaysia (BNM) atau agensi-agensi berkenaan; tertakluk kepada bentuk-bentuk penipuan yang dijalankan.

2. Dalam menangani kes-kes penipuan dalam talian, jalinan kerjasama erat antara pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan agensi penguatkuasaan seperti pihak PDRM, KPDNHEP, dan BNM telah pun sedia terjalin meliputi aspek bantuan teknikal berhubung siasatan, pembekalan maklumat, analisa forensik digital, serta pelaksanaan tindakan sekatan berdasarkan permohonan daripada pihak berkuasa yang berkenaan.

3. Daripada tahun 2018 hingga Mei 2019, pihak SKMM telah menerima sejumlah **1,535** aduan awam berkaitan aktiviti berunsur penipuan, yang seterusnya dirujuk kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan seperti pihak PDRM, KPDNHEP, atau Bank Negara Malaysia (BNM) untuk perhatian dan tindakan lanjut di bawah bidang kuasa mereka.
4. Dalam tempoh yang sama, **831** laman palsu yang dikenali sebagai laman "*Phishing*" telah disekat di bawah AKM 1998 melalui usahasama pemantauan institusi-institusi perbankan yang terlibat dalam *Internet Banking Task Force* (IBTF) yang diketuai oleh Bank Negara Malaysia.
5. Satu jawatankuasa penguatkuasaan bersepadu yang dikenali sebagai "Jawatankuasa Jenayah Siber PDRM-MCMC" telah ditubuhkan bagi menerajui gerak kerja dan tindakan yang lebih strategik dan tersusun, termasuklah bagi perkara melibatkan isu penipuan dalam talian. Kerjasama dan kolaborasi antara kedua-dua pihak khususnya dalam perkongsian maklumat dan kepakaran adalah bertepatan bagi melancarkan gerak kerja dan penguatkuasaan untuk menangani isu penyalahgunaan media sosial dengan lebih efektif.
6. Selain itu, pihak penyedia perkhidmatan komunikasi juga telah diarahkan untuk mengemaskini pangkalan data pelanggan talian telefon prabayar untuk memastikan bahawa semua nombor yang aktif disahkan dengan sewajarnya. Ini bagi mengelakkan ianya disalahguna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk tujuan penipuan dan seumpamanya.
7. Sehingga Mei 2019, sebanyak **1,128,385** talian prabayar yang didaftar secara meragukan telah dikesan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **755,567** talian telah ditamatkan perkhidmatannya dan **372,818** telah dikemaskini dengan maklumat yang sah.
8. Melalui agensi lain seperti Cybersecurity Malaysia (CSM), pelbagai inisiatif lain turut dijalankan bagi membendung ancaman jenayah siber. Antara usaha yang dijalankan ialah dengan membangunkan aplikasi *big data analytics* (BDA) yang berupaya meramalkan trend ancaman siber dari semasa ke semasa, anjuran program CyberSAFE (*Cyber Security*

Awareness for Everyone) serta Perkhidmatan Amaran Awal Siber (Cyber999) yang berperanan sebagai pusat koordinasi setempat. Ini membolehkan pengguna Internet menghubungi Pusat Bantuan Cyber999 untuk melaporkan insiden-insiden keselamatan siber seperti pencerobohan siber, kecurian identiti, pembulian siber, penipuan siber dan sebagainya.

9. Pihak Kementerian turut memberi keutamaan terhadap usaha meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung penipuan dalam talian. Bagi tujuan tersebut, pihak SKMM menggerakkan program-program advokasi pengguna menerusi kempen-kempen kesedaran di seluruh negara, serta melalui hebahan media massa bagi memupuk kesedaran dan kewaspadaan orang ramai.